

13 JUN 1996

Keating - Mahathir

KEATING SIFATKAN DR MAHATHIR SEBAGAI PEMIMPIN HEBAT

Oleh: Neville D'Cruz

MELBOURNE, 13 Jun (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Australia Paul

Keating semalam menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad

sebagai "pemimpin hebat" yang amat dikaguminya.

Ketika berucap buat kali pertama sejak kekalahannya pada pilihan raya

umum 2 Mac lalu, Keating memberitahu seramai 950 hadirin di Universiti New

South Wales, Sydney beliau ingin menjelaskan bahawa perselisihan antara

beliau dengan Dr Mahathir "bukanlah sesuatu yang peribadi" tetapi merupakan

perselisihan wawasan antara dua pemimpin.

"Dr Mahathir adalah pemimpin yang hebat, yang telah mengubah Malaysia

dalam cara yang amat saya kagumi, tetapi kami mempunyai wawasan yang berbeza terhadap rantau ini dalam menghadapi abad ke-21," kata Keating.

"Faktor yang kuat mendorong wawasan beliau (Dr Mahathir) ialah semangat

nasionalisme pan-Asia yang kuat, yang menekankan bahawa masanya sudah tiba

untuk Asia menguasai masa depannya selepas berada di bawah pemerintahan penjajah.

" Wawasan saya dibentuk oleh keyakinan -- bahawa kepentingan Australia

dan rantau ini akan lebih terpelihara dengan menjadikan Asia Pasifik sebagai fokus utama usaha pembentukan institusi kerana bahaya-bahaya ekonomi, sosial dan strategik yang mewujudkan pembahagian antara dua pihak

di Pasifik adalah jauh lebih besar daripada kelebihan pendekatan Asia Timur

sahaja," kata Keating.

Beliau berkata pengasingan Australia daripada badan-badan serantau

utama agak bertentangan dengan pendirian kerajaannya mengenai kepentingan

rakyat Australia.

" Ia juga bertentangan dengan pandangan kami mengenai kepentingan rantau ini. Saya yakin penglibatan aktif Australia dalam rantau ini -- dari

segi tenaga, kreativiti, sumber ekonomi -- merupakan aset kepada rantau ini

secara keseluruhannya," kata Keating.

Beliau mencadangkan supaya forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) menjadi badan keselamatan dialog bagi memenuhi keperluan strategik rantau Asia Pasifik menjelang abad ke-21.

Beliau berkata hanya APEC mempunyai keanggotaan yang betul dan kedudukan institusi yang wajar bagi memenuhi keperluan keselamatan rantau ini.

"Apabila anda melihat potensi untuk membangunkan lagi struktur institusi rantau ini, adalah jelas bahawa satu-satunya badan yang menyediakan liputan dan penyertaan di tahap yang tinggi untuk forum perbincangan (keselamatan) ialah APECm," katanya. -- BERNAMA

NDC HAK NAK